

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1990/91

Jun 1991

FPT 321 Farmasi Fizikal II

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Terangkan kenapa dan bagaimana penjerapan sesuatu gas boleh terjadi di permukaan sesuatu pepejal.

(8 markah)

- (B) Bincangkan keadaan yang membolehkan penjerapan sesuatu zat larutan ke permukaan sesuatu pepejal terjadi mengikut isoterma tertentu.

(12 markah)

2. Terangkan beserta contoh-contoh yang sesuai tentang ciri-ciri atau jenis-jenis aliran sesuatu bendalir,

(20 markah)

3. Ciri atau jenis aliran apakah yang terbaik untuk sesuatu ampaian? Bincangkan tentang perkara-perkara yang dapat dilakukan bagi menghasilkan ampaian dengan ciri aliran yang dikehendaki.

(20 markah)

4. Bincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan semasa memilih alat pengisar untuk pengecilan saiz partikel sesuatu pepejal.

(20 markah)

5. (A) Bincangkan kepentingan penentuan saiz partikel serta taburannya untuk pepejal yang telah dikecilkan saiznya.

(10 markah)

- (B) Terangkan cara-cara yang boleh digunakan untuk menentukan tertib reaksi penguraian sediaan farmaseutik.

Suatu larutan mengandungi 900 mg/ml drug. Selepas disimpan selama 60 hari, drug itu terurai menjadi 650 mg/ml. Sekiranya tertib reaksinya adalah tertib pertama, hitungkan jangkamasa yang diperlukan supaya drug itu akan terurai kepada setengah kepekatan asalnya.

(10 markah)

6. Bincangkan dengan ringkas penguraian yang mungkin berlaku dalam minyak kelapa sawit dan cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengurangkan penguraian itu.

(20 markah)